

Wakil rakyat BN kemuka usul sokong kepimpinan Abdullah

UM - 2 NOV 2003

KUALA LUMPUR 1 Nov. — Wakil rakyat Barisan Nasional (BN) akan mengemukakan usul menyokong kepimpinan Perdana Menteri kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada persidangan Dewan Rakyat Isnin ini.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Datuk Ir. Mohd. Zin Mohamed berkata, usul itu boleh dianggap sebagai ikrar ahli Parlimen BN untuk membantu serta memastikan Malaysia di bawah kepimpinan Abdullah menjadi sebuah negara maju.

“BBC mempunyai keyakinan penuh kepada Abdullah untuk menerajui negara menjadi sebuah negara maju. Sebagai ahli Parlimen BN, kami akan berdiri teguh dan membantu sedaya mungkin Perdana Menteri dalam mencapai objektif tersebut,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Abdullah semalam mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima, menggantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berundur setelah menerajui negara selama 22 tahun.

Abdullah, 64, mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara.

Mohd. Zin memberitahu, apa yang berlaku di negara ini bukanlah pertukaran rejim tetapi merupakan ‘peralihan kuasa’ daripada Dr. Mahathir kepada Abdullah.

Ujarnya, peralihan kuasa yang berjalan lancar tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini menunjukkan bahawa pemimpin dan rakyat negara ini telah bersedia untuk menerima kepimpinan Abdullah.

“Kesediaan ini diperlihatkan dengan reaksi positif pemimpin dan rakyat negara ini untuk menyokong kepimpinan Abdullah dan BN.

“Rakyat juga berikrar untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam setiap program yang akan dijalankan untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju,” katanya.